

23 SEP 2002

ASEM-Punca/I

KAJI PUNCA KEGANASAN, KATA PARA PEMIMPIN ASEM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 23 Sept (Bernama) -- Usaha Malaysia tanpa kenal penat lelah meminta masyarakat global mencari punca utama keganasan sebelum membanterasnya mula menunjukkan hasil apabila pemimpin Asia dan Eropah mengeluarkan deklarasasi mirip kepada pendirian Malaysia dan menolak apa-apa usaha mengaitkan keganasan dengan agama.

Para pemimpin itu, yang bertemu di sini bagi mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) keempat, mengisytiharkan bahawa perang membanteras keganasan memerlukan pendekatan menyeluruh dan "perlu mengambil kira punca akar umbi keganasan."

Bagi manapun, "punca akar umbi tidak boleh diterima sebagai sesuatu yang mewajarkan aktiviti penganas atau penjenayah," kata mereka di "Deklarasi ASEM Copenhagen mengenai Kerjasama Terhadap Keganasan Antarabangsa" yang dikeluarkan di hari pertama sidang kemuncak tidak rasmi itu di sini, hari ini.

"Kami juga menolak apa-apa usaha untuk mengaitkan keganasan dengan mana-mana agama, bangsa atau kewarganegaraan, dan juga menolak apa-apa pendapat yang memisahkan kami dalam tiga aspek ini," kata pemimpin Asia dan Eropah dalam deklarasasi empat muka surat itu.

"Kami berjanji untuk bekerjasama dalam memerangi gejala ini yang mengancam keamanan dan keselamatan global, pembangunan ekonomi yang berkekalan dan kestabilan politik dan menekankan usaha membanteras keganasan mestilah berdasarkan kepada prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan norma asas undang-undang antarabangsa.

ASEM ialah satu proses tidak rasmi dialog dan kerjasama antara Asia dan Eropah dengan pembabit 10 negara Asia dan 15 negara anggota Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah.

Mereka juga berkata sebarang usaha memerangi masalah itu memerlukan pendekatan menyeluruh oleh masyarakat antarabangsa melalui saluran politik, ekonomi, diplomatik dan undang-undang selaras dengan undang-undang dalam negeri.

Deklarasi itu dikeluarkan selepas satu dialog politik mengenai situasi antarabangsa selepas 11 September dan isu-isu baru keselamatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan antara 21 ketua kerajaan dan ketua negara yang mengambil bahagian dalam dialog tertutup itu.

Sejak tragedi 11 September tahun lepas, usaha-usaha global untuk memerangi keganasan lebih menumpukan usaha-usaha ketenteraan dengan Amerika Syarikat mengetuainya, tetapi ada negara seperti Malaysia telah menyuarakan keazaman mereka untuk mengambil kira punca akar umbi keganasan dalam memerangi keganasan.

Pemimpin-pemimpin itu juga menerima satu Program Kerjasama ASEM Copenhagen Mengenai Memerangi Keganasan Antarabangsa, di mana satu seminar anti keganasan akan diadakan di China pada 2003 sebelum Mesyuarat Menteri-menteri Asean Kelima di Indonesia untuk mencari jalan memperkukuhkan peranan utama PBB dan kerjasama ASEM mengenai anti keganasan.

Para pemimpin yang berkumpul di Bella Center dengan kawalan keselamatan ketat juga mengutuk semua tindakan keganasan dengan berkata ia adalah tindakan jenayah dan tidak wajar, tidak kira apa yang mencetuskannya dan segala bentuk keganasan.

Mereka juga bersependapat yang kerjasama antarabangsa dalam aktiviti

anti keganasan, termasuk kerjasama serantau, seperti Kesatuan Eropah dan Asean dan juga kerjasama dua hala, telah menunjukkan kemajuan besar dan "adalah penting masyarakat antarabangsa meneruskan usaha dengan mantap dalam hal ini."

Para pemimpin ASEM juga menekankan pentingnya mengekalkan momentum kerjasama antarabangsa dalam memerangi keganasan dan bersama PBB.

Para pemimpin itu juga berkata bahawa simposium ASEM dalam memerangi transaksi kewangan haram dan perlunya penyeliaan dalam perkhidmatan kiriman wang di negara-negara Eropah dan Asia akan diadakan di Jerman pada 2003 dalam konteks Inisiatif Anti Pelaburan Wang Haram ASEM.

-- BERNAMA

MR AFY PR